

٣٩٨٢- حَدَّثَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ الْجُعْفِيُّ حَدَّثَنَا أَبُو أَحْمَدَ الزُّبَيْرِيُّ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ الْعَسِيلِ عَنْ حَمْرَةَ بْنِ أَبِي أُسَيْدٍ
وَالزُّبَيْرِ بْنِ الْمُنْذِرِ بْنِ أَبِي أُسَيْدٍ عَنْ أَبِي أُسَيْدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ لَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ بَدْرٍ إِذَا أَكْتَبُوكُمْ
فَارْمُوهُمْ وَاسْتَبْقُوا نَبْلَكُمْ

3982- 'Abdullah bin Muhammad al-Ju'fi¹⁰¹ meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Ahmad (Muhammad bin 'Abdillah al-Asadi) az-Zubairi¹⁰² meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abdur Rahman (m.171H) bin al-Ghasil¹⁰³ meriwayatkan daripada Hamzah bin

(siksaan) Allah". (Ibrahim berkata): "Wahai Tuhan kami! hanya kepada Engkaulah Kami bertawakkal dan hanya kepada Engkaulah Kami bertaubat dan hanya kepada Engkaulah kami kembali." (4)

"Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan kami (sasaran) fitnah bagi orang-orang kafir dan ampunilah kami wahai Tuhan kami; Sesungguhnya Engkaulah yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana". (5) (al-Mumtahanah: 1-5).

¹⁰⁰ Ini ialah bab tanpa tajuk. Pada kebiasaannya bab tanpa tajuk di dalam Sahih Bukhari dianggap sama seperti fasal di dalam kitab-kitab lain. Dengan itu ia masih lagi mengandungi hadits-hadits tentang peperangan Badar atau apa-apa yang ada kaitannya dengan perang Badar.

¹⁰¹ 'Abdullah bin Muhammad al-Ju'fi ini dikenali juga dengan 'Abdullah bin Muhammad al-Musnadi.

¹⁰² Az-Zubairi ini bukanlah nisbah kepada Zubair bin al-'Awwaam, sahabat Nabi s.a.w. yang terkenal itu. Ia adalah nisbah kepada Zubair yang lain. Sebabnya ialah Abu Ahmad bukan dari kalangan anak cucu Zubair bin al-'Awwaam. Demikian kata al-Kirmaani dan al-Qasthallaani.

¹⁰³ Al-Ghasil bukanlah nama sebenar ayah 'Abdur Rahman perawi hadits ini. Silsilah nasab 'Abdur Rahman selengkapnya ialah 'Abdur Rahman bin Sulaiman, bin 'Abdir Rahman bin 'Abdillah bin Hanzalah al-Ghasil. Jadi al-Ghasil itu sebenarnya adalah sifat kepada Hanzalah yang merupakan datuk ketiga 'Abdur Rahman. Oleh kerana 'Abdur Rahman dari cucu-cicit Hanzalah, beliau selalu juga dipanggil Ibnu al-Ghasil. Sebabnya Hanzalah disifatkan dengan al-Ghasil (orang yang dimandikan) ialah kerana beliau telah mati syahid dalam peperangan Uhud dalam keadaan berjunub. Setelah jenazah Hanzalah ditemui di kalangan sahabat-sahabat nabi yang terbunuh dalam peperangan itu, rambut beliau didapati sedang menitis air seperti orang yang baru dimandikan. Melihat keadaannya itu Rasulullah s.a.w. terus bersabda: "Para malaikat telah memandikannya". Bermula dari peristiwa itulah Hanzalah digelar dengan "Orang yang dimandikan oleh para malaikat" (غسيل الملائكة).

Abi Usaid dan az-Zubair bin al-Munzir bin Abi Usaid daripada Abi Usaid r.a.,¹⁰⁴ katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda kepada kami pada hari Badar: “Apabila mereka beramai-ramai sudah menghampirimu, panahlah mereka. Terus simpanlah anak panahmu (selagi mereka berada jauh darimu).”¹⁰⁵

٣٩٨٣ - حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ الرَّحِيمِ حَدَّثَنَا أَبُو أَحْمَدَ الزُّبَيْرِيُّ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ الْعَسِيلِ عَنْ حَمْزَةَ بْنِ أَبِي أُسَيْدٍ وَالْمُنْذِرِ بْنِ أَبِي أُسَيْدٍ عَنْ أَبِي أُسَيْدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ لَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ بَدْرٍ إِذَا أَكْثَبُوكُمْ - يَعْنِي أَكْثَرُوكُمْ - فَارْمُوهُمْ وَاسْتَبِقُوا نَبْلَكُمْ

3983- Muhammad bin `Abdir Rahim meriwayatkan kepadaku, katanya: Abu Ahmad az-Zubairi meriwayatkan kepada kami, katanya: `Abdur Rahman bin al-Ghasil¹⁰⁶

¹⁰⁴ Abu Usaid ialah sahabat Rasulullah s.a.w. Nama sebenarnya ialah Malik bin Rabi'ah. Beliau ialah sahabat Anshaari dari kalangan Khazraj.

¹⁰⁵ Maksud Nabi s.a.w. ialah janganlah kamu mensia-siakan anak-anak panahmu dengan memanah mereka dari jauh. Kamu hendaklah melepaskan anak-anak panah apabila mereka sudah menghampirimu supaya ia lebih menepati sasarannya. Begitulah arahan Rasulullah s.a.w. sebagai seorang panglima perang. Seorang panglima perang yang pandai dan bijaksana akan sentiasa membimbing pasukan tenteranya supaya berhemat dalam menggunakan senjata seperti anak-anak panah atau peluru. Penggunaannya secara semberono akan mendedahkan tentera kepada bahaya dalam peperangan. Inilah salah satu prinsip atau tip yang sentiasa membawa sesuatu pasukan tentera ke mercu kemenangan.

¹⁰⁶ Hadits 3982 diterima Bukhari daripada gurunya Muhammad bin `Abdillah al-Ju'fi. Beliau pula menerimanya daripada Abu Ahmad az-Zubairi dan beliau pula menerimanya daripada `Abdur Rahman bin al-Ghasil. Hadits 3983 pula diterima Bukhari daripada gurunya Muhammad bin `Abdir Rahim. Muhammad bin `Abdir Rahim juga seperti Muhammad bin `Abdillah al-Ju'fi, guru Bukhari bagi hadits 3982 menerima hadits ini daripada Abu Ahmad az-Zubairi. Dan Abu Ahmad az-Zubairi seterusnya menerimanya daripada `Abdur Rahman bin al-Ghasil. Ringkas ceritanya, hadits 3983 dikemukakan Bukhari sebagai mutaaba'ah kepada hadits 3982 sebelumnya. Mutaaba'ah seperti ini dalam istilah ilmu Usul Hadits dipanggil mutaaba'ah yang sempurna (متابعة تامة). Ini kerana Muhammad bin `Abdir Rahim merupakan mutaabi' kepada Muhammad bin `Abdillah al-Ju'fi. Mereka berdua meriwayatkan hadits daripada guru yang sama, iaitu Abu Ahmad az-Zubairi. Perbezaan yang terdapat pada dua riwayat ini hanyalah pada dua tempat sahaja. Satu pada sanadnya dan satu lagi pada matannya. Di dalam sanad hadits 3982 `Abdur Rahman bin al-Ghasil meriwayatkan daripada Hamzah bin Abi Usaid dan az-Zubair bin al-Munzir bin Abi Usaid daripada Abi Usaid r.a. Di dalam sanad 3983 pula `Abdur Rahman bin al-Ghasil meriwayatkan daripada Hamzah bin Abi Usaid dan al-Munzir bin Abi Usaid daripada Abi Usaid r.a. Di dalam matan hadits 3983 terdapat idraaj perawi selepas perkataan أَكْثَبُوكُمْ iaitu يَعْنِي أَكْثَرُوكُمْ. Tujuan idraaj di sini ialah untuk menjelaskan erti perkataan أَكْثَبُوكُمْ. Sedangkan di

meriwayatkan kepada kami daripada Hamzah bin Abi Usaid dan al-Munzir bin Abi Usaid daripada Abi Usaid r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda kepada kami pada hari Badar: “Apabila mereka beramai-ramai sudah menghampirimu, panahlah mereka. Terus simpanlah anak panahmu (selagi mereka berada jauh darimu).”

٣٩٨٤ - حَدَّثَنِي عَمْرُو بْنُ خَالِدٍ حَدَّثَنَا زُهَيْرٌ حَدَّثَنَا أَبُو إِسْحَاقَ قَالَ سَمِعْتُ الْبَرَاءَ بْنَ عَازِبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ جَعَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى الرُّمَاهِ يَوْمَ أُحُدٍ عَبْدَ اللَّهِ بْنُ جُبَيْرٍ فَأَصَابُوا مِنَّا سَبْعِينَ وَكَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَصْحَابُهُ أَصَابُوا مِنَ الْمُشْرِكِينَ يَوْمَ بَدْرٍ أَرْبَعِينَ وَمِائَةً سَبْعِينَ أَسِيرًا وَسَبْعِينَ قَتِيلًا قَالَ أَبُو سُفْيَانَ يَوْمَ بَدْرٍ وَالْحَرْبُ سَحَالٌ

3984- `Amar bin Khalid meriwayatkan kepadaku, katanya: Zuhair meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Ishaq meriwayatkan kepada kami, katanya: Aku telah mendengar Baraa' bin `Aazib bercerita, katanya: “Nabi s.a.w. telah melantik `Abdullah bin Jubair sebagai ketua pasukan pemanah pada hari Uhud.¹⁰⁷ Mereka (orang-orang kafir)

dalam matan hadits 3982 pula tidak terdapat sebarang idraaj perawi. Ma'na asal أَكْثَبُومَ ialah mereka sudah menghampirimu. Ma'na أَكْثَرُوكُمُ pula ialah mereka datang beramai-ramai kepadamu. Kata Ibnu Faaris, orang `Arab berkata: أَكْثَبُ الصَّيْدِ. Maksudnya ialah binatang buruan datang dekat sehingga ia dengan mudah dapat dikuasai pemburu. Terjemahan yang diberikan penulis di atas adalah berdasarkan gabungan dua ma'na أَكْثَبُوكُمُ yang diberikan tadi. وَأَسْتَبْقُوا نَبْلَكُمْ itu boleh juga diterjemahkan dengan “dan simpanlah baik-baik anak panahmu”. Di dalam sesetengah nuskah, bukan أَكْثَرُوكُمُ tersebut di sini, tetapi كَثَرُوكُمُ. Ma'nanya sama saja dengan أَكْثَرُوكُمُ. Kata ad-Daudi, maksud فَرَمَوْهُمْ yang tersebut di dalam hadits itu bukan ‘panahlah mereka’, tetapi balinglah mereka dengan batu. Ini adalah salah satu cara untuk menjimatkan penggunaan anak panah yang ternyata menerusi sabda Baginda s.a.w. di akhir hadits وَأَسْتَبْقُوا نَبْلَكُمْ (dan simpanlah baik-baik anak-anak panahmu).

¹⁰⁷ Lima puluh orang tentera pemanah di letakkan di bawah pimpinan beliau. Pasukan ini diperintah Nabi s.a.w. supaya berkawal di atas bukit Uhud. Mereka dipesan agar tidak meninggalkan tempat itu dalam keadaan bagaimana sekalipun. Di peringkat permulaannya, orang-orang Islam kelihatan menang apabila pasukan tentera kafir cabut lari dengan meninggalkan barang-barang berharga mereka. Kerana menganggap tentera kafir sudah kalah dan meninggalkan medan perang, sebahagian besar daripada pasukan pemanah yang ditugaskan berkawal di atas bukit Uhud terpedaya dengan harta rampasan perang (ghanimah) dan mereka turun ke bawah. Padahal itu tidak lebih daripada umpan dan strategi perang mereka. Tidak lama kemudian, tentera kafir Mekah kembali menyerbu, membuatkan pasukan tentera Islam bertempiran dan mengalami kekalahan. Walaupun kekalahan itu bukanlah suatu kekalahan total, namun banyak sekali kerugian yang ditanggung umat Islam dalam peperangan itu. Ini semua adalah akibat tidak patuh kepada arahan ketua. Keadaan itulah yang mendorong ketua pasukan